

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERALATAN ELEKTRIK PERIBADI

(PERSONAL ELECTRICAL EQUIPMENT)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan umum dan rujukan kepada penggunaan peralatan elektrik peribadi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 SKOP

Garis panduan ini digunapakai kepada semua staf dan pelajar serta pelawat universiti bagi penggunaan Peralatan Elektrik Peribadi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Panduan Prosedur Kerja Selamat Bagi Kerja-Kerja Elektrik – ST.
- 3.2 Seksyen 2 dan Seksyen 23, Akta Bekalan Elektrik 1990.
- 3.3 Bahagian VI, Seksyen 24-1, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- 3.4 Garis Panduan Penggunaan Peralatan Elektrik Peribadi di Tempat Kerja, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Hartabina, UTHM, 2012.

4.0 DEFINISI / SINGKATAN

Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
Peralatan Elektrik Peribadi	Peralatan elektrik peribadi yang di bawa dan digunakan di dalam bangunan dan kawasan Universiti seperti peti sejuk, pembakar roti, kipas angin, pengering rambut, peti sejuk, seterika dan lain-lain.
SIRIM	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian / <i>Malaysia Standard and Industrial Research Institute of Malaysia</i>
ST	Suruhanjaya Tenaga Malaysia.
IEE	<i>Institution of Electrical Engineers</i> . Pertubuhan organisasi Jurutera-Jurutera Profesional Elektrikal dan Elektronik di negara Britain. Peraturan-peraturan untuk pemasangan elektrik yang disediakan oleh IEE turut digunakan oleh kebanyakan negara-negara Komonwel termasuk Malaysia.
Pengguna	Individu (pelajar / staf) yang menggunakan Peralatan Elektrik Peribadi.

5.0 PENGGUNAAN PERALATAN ELEKTRIK PERIBADI

- 5.1 Peralatan Elektrik Peribadi yang digunakan di dalam kawasan Universiti hendaklah mempunyai label perakuan SIRIM dan mendapat pengesahan dalam 'Certified Electrical Approval' oleh ST.
- 5.2 Peralatan elektrik yang menjimatkan tenaga (*Energy Star / Green Compliance*) hendaklah diutamakan.



Rajah 1. Contoh Label Perakuan Sirim, ST dan Label Jimat Tenaga

- 5.3 Sambungan kabel soket alir keluar (*extension plug*) pada peralatan elektrik yang dibawa juga perlu mempunyai label perakuan SIRIM dan mendapat pengesahan dalam 'Certified Electrical Approval' oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.
- 5.4 Maksimum penggunaan soket (*extension plug – 3 @ 4 way* 13 A, 230V termasuk *power indicator – led / neon*) dalam satu-satu masa hendaklah tidak melebihi melebihi 1500 Watt di dalam lingkungan ruang kerja yang tidak melebihi 25 meter persegi.

Jadual 1. Contoh jumlah kadar kuasa yang **dibenarkan** (< 1500) dalam satu-satu masa.

Bil.	Peralatan	Kadar Kuasa(Watt)
1.	Kipas Angin	75 W
2.	Pengecas Komputer Riba	70 W
3.	Lampu Meja	100 W
Jumlah keseluruhan		245 W

Jadual 2. Contoh jumlah kadar kuasa yang **tidak dibenarkan** dalam satu-satu masa.

Bil.	Peralatan	Kadar Kuasa(Watt)
1.	Kipas Angin	75 W
2.	Pengecas Komputer Riba	70 W
3.	Cerek Elektrik	1500 W- 2200W
Jumlah keseluruhan		1645 W- 2345 W

- 5.5 Peralatan Elektrik Peribadi hendaklah digunakan pada soket alir keluar yang mencukupi di ruang kerja sedia ada dengan kadaran voltan 1 fasa, 230 Vac (50Hz) sahaja.
- 5.6 Peralatan Elektrik Peribadi perlu dipastikan kabel sambungan (*power cord*) spesifikasi minimum : 1.25mm² x 3C PVC, berkeadaan baik dengan kepala soket (*plug*) jenis 3 pin (L,N,E) dengan fuis dalamnya adalah 13A (mengikut piawaian BS1363). Ini adalah mematuhi Piawaian/Peraturan IEE dan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).



Rajah 2. Contoh Soket jenis 3 pin

- 5.7 Peralatan Elektrik Peribadi hendaklah dipastikan dipasang tidak melebihi 8 jam sehari dan perlu dimatikan bekalan kuasanya setiap kali pengguna keluar meninggalkan pejabat atau bilik.
- 5.8 Peralatan Elektrik Peribadi hendaklah diletakkan di tempat yang selamat dan jauh dari bahan yang mudah terbakar, kitaran udara dalaman yang selesa, tidak tersorok dan tidak diletakkan di laluan yang mengganggu laluan kecemasan bangunan atau pejabat.
- 5.9 Peralatan Elektrik Peribadi hendaklah diselenggara dengan baik oleh pengguna dan berkeadaan selamat untuk digunakan.

6.0 LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN SEMASA PENGGUNAAN ELEKTRIK

- 6.1 Jangan menyentuh wayar elektrik atau alat elektrik dengan tangan yang basah.
- 6.2 Jangan menggunakan wayar elektrik yang penebatnya telah tertanggal.
- 6.3 Jangan menggunakan soket elektrik yang telah retak atau pecah.
- 6.4 Pastikan suis utama dimatikan sebelum sebarang litar elektrik diperbaiki.
- 6.5 Jangan membaiki sendiri alat elektrik atau litar elektrik yang rosak.
- 6.6 Jangan mencucuk sebarang bahan ke dalam lubang soket.
- 6.7 Jangan menggantikan dawai fuis yang terputus dengan dawai biasa.
- 6.8 Jangan menyentuh wayar yang tidak bertebat.
- 6.9 Jangan menggantikan dawai fuis dengan sebarang dawai atau logam.
- 6.10 Jangan menggunakan kabel yang pecah atau terlalu lama.